



BIDA PROJEK HULUAN GULA

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) membiada untuk memperoleh projek huluan gula di Indonesia dengan nilai dianggarkan AS\$1.3 juta (RM5.45 juta).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, bidaan itu membabitkan kilang milik PT Perkebunan Nusantara X (PTPN X) bagi tujuan kontrak bina urus dan pindah (BOT).

Beliau berkata, langkah itu sebahagian strategi untuk meningkatkan aktiviti huluan syarikat dalam usahanya menjadi antara lima pengeluar gula terbesar

■ Strategi MSM jadi antara lima pengeluar terbesar Asia menjelang 2020

☞ Selain MSM, terdapat empat syarikat lain dari luar negara turut mengemukakan bidaan”

Sheikh Awab Sheikh Abod

Asia menjelang 2020.

“Selain MSM, empat syarikat lain dari luar negara turut mengemukakan bidaan,” katanya pada majlis menandatangani perjanjian pembinaan reka bentuk dan pemerolehan kejuruteraan (EPCC) antara MSM dan Sharkara International (FZC) di sini, semalam.

MSM menjadi peneraju pengeluar gula terbesar di

negara ini dengan penguasaan pasaran 64 peratus. Kilang penapisan gula terbesar Malaysia di Tanjung Langsat, Johor juga mempunyai nilai pelaburan AS\$259 juta (RM1.08 bilion).

Perjanjian itu membabitkan kontrak bernilai AS\$97.5 (RM408.5 juta) sebagai kontraktor utama bagi pembinaan kilang penapis ketiga-nya di Johor.

Sheikh Awab berkata, menerusi kilang penapis di Johor itu, pihaknya menjangkakan mencapai kadar kecekapan operasi tinggi yang bakal diterjemahkan sebagai harga produk barangan akhir paling kompetitif.

“Ini membolehkan MSM meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan kepada 3.25 juta tan serta memanfaatkan sepenuhnya asas kukuh kami selama ini.

“Selain itu, MSM akan meningkatkan penguasaan pasaran di Singapura pada masa ini berjumlah 30 peratus,” katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



SHEIKH Awab (tiga dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Presiden Sharkara International Dr Pit Pruksathon pada majlis menandatangani perjanjian pembinaan reka bentuk dan pemerolehan kejuruteraan (EPCC) antara MSM dan Sharkara International (FZC), semalam.